

Sumbangan Ilmuwan Asyairah Terhadap Perkembangan Ilmu Kajian Agama-Agama

WAN HASLAN KHAIRUDDIN

[wanhaslan@ukm.edu.my]

Pusat Akidah dan Keamanan Global, Fakulti Pengajian Islam
Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan, Malaysia

Abstrak

Artikel ini membincangkan sumbangan ilmuwan Asyairah terhadap perkembangan Ilmu Kajian Agama-agama atau Ilmu Perbandingan Agama (*Muqāranah al-Adyān*). Isu-isu utama yang menjadi perbincangan artikel ini ialah: [i] wacana al-Quran dan Sunah terhadap penganut agama-agama; [ii] wacana kepercayaan agama-agama di dalam Ilmu Kalam; dan [iii] karya-karya ilmuwan Asyairah dalam wacana terhadap penganut agama-agama. Penulisan artikel ini adalah berdasarkan kajian analisis kandungan. Sumber primer yang menjadi asas dalam penulisan ini ialah karya-karya ilmuwan Asyairah di dalam Ilmu Kalam atau subwacananya iaitu Ilmu Kajian Agama-agama atau Ilmu Perbandingan Agama. Kesimpulannya, Ilmu Kajian Agama-agama merupakan salah satu subdisiplin Ilmu Kalam yang mewacanakan kepercayaan agama-agama. Keperluan kajian terhadap agama-agama bertujuan mensabitkan akidah Islam terhadap anutan yang bertentangan dengannya (*ithbāt al-'aqā'id al-dīniyyah*) dan menolak sebarang keraguan (*daf' al-shubah*).

Pendahuluan

Seruan mengajak manusia kembali mentauhidkan Allah SWT merupakan tugas para nabi serta para rasul yang kemudiannya diwarisi oleh para ulama serta kaum Muslim umumnya. Firman Allah SWT di dalam surah *al-Nahl* 16: 36: "*Dan sesungguhnya Kami telah mengutus dalam kalangan tiap-tiap umat seorang Rasul (dengan memerintahkannya menyeru mereka): "Hendaklah kamu menyembah Allah dan jauhilah Taghut". Maka di antara mereka (yang menerima seruan Rasul itu), ada yang diberi hidayah petunjuk oleh Allah dan ada pula yang berhak ditimpa kesesatan. Oleh itu mengembaralah kamu di bumi, kemudian lihatlah bagaimana buruknya kesudahan umat-umat yang mendustakan Rasul-rasulnya.*"

Islam menegaskan bahawa jiwa tauhid adalah fitrah asal kejadian manusia. Manusia berubah kerana lingkungan persekitaran dan proses perkembangan hidupnya daripada mentauhidkan Allah SWT kepada mensyirikan-Nya. Sabda Rasulullah SAW riwayat al-Bukhari daripada Abu Hurairah RA:

مَا مِنْ مَوْلُودٍ إِلَّا يُولَدُ عَلَى الْفِطْرَةِ فَأَبَوَاهُ يُهَوِّدَانِهِ أَوْ يُنَصِّرَانِهِ أَوْ يمجِّسَانِهِ.

Bermaksud: Seorang bayi tidak dilahirkan kecuali dilahirkan dalam keadaan fitrah (Islam dan mentauhidkan Allah SWT) maka kedua ibu bapanya yang menjadikan dia Yahudi, Nasrani atau Majusi (Al-Bukhari 1999: 217, hadis no. 1358, 1359).

Menurut Islam, manusia asalnya menganuti fahaman tauhid atau monoteisme dan kemudian sikit demi sedikit menyimpang beralih kepada fahaman syirik atau politeisme (*Al-Baqarah* 2: 213). Ini bersalahan dengan teori Edward Burnet Tylor yang menyatakannya secara terbalik iaitu agama itu bermula dengan animisme, politeisme dan berakhir dengan monoteisme (Hussain Othman 2009: 55). Islam merupakan agama yang meraikan kepelbagaian budaya (multi-cultural) dan kepelbagaian agama (*multi-religious*) yang menjadi tabiat semula jadi manusia. Berdasarkan sunnatullah iaitu peraturan atau adat kejadian Allah SWT, manusia dijadikan sifatnya pelbagai warna, bangsa, bahasa dan agama (*Al-Nahl* 16: 93; *al-Rūm* 30: 22). Kepelbagaian sifat manusia ini memerlukan mereka untuk saling kenal mengenali dan hormat menghormati (*Al-Hujurat* 49: 13). Bahkan Islam menegaskan bahawa tiada paksaan dalam beragama dan manusia bebas memilih agama atau anutan sesuai dengan kehendak serta pilihan (*Al-Baqarah* 2: 256). Namun, secara ditegas Allah SWT menyatakan hanya Islam merupakan agama yang diredai-Nya dan siapa yang mencari selain Islam maka tidak diterima bahkan di hari akhirat kelak dianggap sebagai orang-orang yang rugi (*Ali 'Imrān* 3: 19, 85; *al-Mā'idah* 5: 3). Justeru, para nabi dan rasul diutuskan silih berganti untuk mengajak manusia kembali mentauhidkan Allah SWT (Al-Qudāh 1999: 12-13).

Hari ini Ilmu Perbandingan Agama menjadi lapangan yang amat diminati sama ada di lapangan akademik atau lapangan awam. Di lapangan awam, pelbagai Pertubuhan Bukan Kerajaan atau NGO (Non-Governmental Organization) yang berorientasikan dakwah giat menawarkan kursus-kursus intensif yang berkaitan seperti *Inter-faith & Inter-Civilization Program* oleh Islamic Outreach ABIM (IOA), *Friendly Comparative Religion* (FCR) oleh Islamic Information and Services Foundation (IIS) dan *Interactive Dakwah Training* (IDT) oleh Hidayah Centre Foundation (HFC). Justertu, artikel ditulis bertujuan memperlihatkan kedudukan Ilmu Perbandingan Agama di dalam tradisi Islam dan sumbangan ilmuwan Asyairah terhadap perkembangan Ilmu Perbandingan Agama.

Wacana Al-Quran Dan Sunah Terhadap Penganut Agama-Agama

Al-Quran merupakan satu-satunya kitab suci yang dinisbahkan kepada agama yang memperakui kewujudan agama-agama lain. Tiada kitab suci agama yang memperkatakan kewujudan agama-agama lain di dalamnya kecuali al-Quran. Di dalam al-Quran disebutkan enam agama atau anutan dominan yang menjadi kepercayaan masyarakat dunia dalam sebuah ayat. Firman Allah SWT di dalam surah *al-Hashr* 53: 10:

إِنَّ الَّذِينَ ءَامَنُوا وَالَّذِينَ هَادُوا وَالصَّٰبِئِينَ وَالنَّصْرِيَّةَ وَالْمَجُوسَ وَالَّذِينَ أَشْرَكُوا إِنَّ اللَّهَ يَفْصِلُ بَيْنَهُمْ
يَوْمَ الْقِيَامَةِ إِنَّ اللَّهَ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ شَهِيدٌ

Bermaksud: Bahawasanya orang-orang yang beriman, dan orang-orang Yahudi, dan orang-orang Şabi'īn, dan orang-orang Nasrani, dan orang-orang Majusi, serta orang-orang Musyrik, sesungguhnya Allah akan memutuskan hukum-Nya di antara mereka pada hari kiamat, kerana sesungguhnya Allah sentiasa Memerhati dan Menyaksikan tiap-tiap sesuatu.

Enam kepercayaan atau agama yang dinyatakan di atas ialah [1] agama orang beriman atau agama Islam; [2] agama Yahudi; [3] agama Šā'ibah (*Sabians*); [4] agama Kristian; [5] agama Majusi; dan [6] agama golongan Musyrikin atau orang yang menyekutukan Allah SWT. Menurut Ibn Qayyim (1407H: 36-37), anutan atau agama penduduk dunia tidak terkeluar daripada agama-agama yang enam. Ibn Qayyim mengukuhkan pandangan dengan nukilan yang dinisbahkan kepada Ibn 'Abbās RA yang menyatakan: “*Agama-agama itu enam; satu agama al-Rahman (i.i. Allah SWT Yang Maha Pemurah) dan lima agama syaitan*”. Enam agama yang dinyatakan menurut penulis boleh disebutkan sebagai kepercayaan dominan di sisi masyarakat dunia. Penulis berpandangan teori atau konsep enam anutan atau agama induk ini boleh dijelaskan dengan kajian khusus. Secara asas, agama Islam, agama Yahudi dan agama Kristian mewakili kelompok yang percaya kepada Tuhan namun berbeza dalam konsep ketauhidan. Agama Šā'ibah (*Sabians*) mewakili kelompok animisme yang menjadikan objek-objek alam seperti cakerawala, patung dan lain-lain sebagai sembah. Agama Majusi mewakili kelompok dualisme, trilogisme dan seumpamanya. Akhirnya sembah Musyrik iaitu orang menyekutukan Allah Jalla wa 'Alā mewakili kelompok pagan yang tidak percaya kepada sebarang agama yang khusus. Namun, kenyataan penulis ini masih hipotesis penulis yang hanya dapat dibuktikan kebenarannya apabila dilaksanakan kajian geneologi iaitu kajian salasilah antara agama dan kepercayaan.

Wacana Sunah terhadap penganut agama-agama boleh dilihat melalui interaksi Rasulullah SAW bersama golongan musyrikin dan ahli kitab. Di zaman Rasulullah SAW, penganut agama-agama lain tidak ditinggalkan tanpa sebarang usaha mengembalikan mereka untuk mentauhidkan Allah SWT. Antara bentuk-bentuk interaksi Rasulullah SAW dengan penganut agama lain ialah: [1] pengutusan surat-surat (*al-rasā'il*); [2] duta-duta (*al-sufarā'*); [3] deligasi-deligasi (*al-wufūd*) yang mewakili sesebuah kabilah, agama atau negara di dalam sesebuah perundingan; [4] perjanjian-perjanjian (*al-wufūd*) di antara penganut agama; dan [5] peperangan-peperangan sama ada yang disebut sebagai *al-sarāyā* atau *al-ghazawāt*. Contoh dalam pengutusan surat-surat (*al-rasā'il*), Rasulullah SAW telah mengutus surat mengajak para pembesar agama lain ketika itu seperti pembesar Rom iaitu Hercules, pembesar Mesir iaitu al-Muqawqas, pembesar Ethopia iaitu al-Najāshī dan pembesar Farsi iaitu Kisrā untuk kembali mentauhidkan Allah SWT (Fārūq Ḥammādah 2004). Contoh deligasi-deligasi (*al-wufūd*) yang bertemu Rasulullah SAW ialah para pembesar musyrikin Mekah seperti al-Walīd bin al-Mughīrah, al-'Āṣ bin Wāil, al-Aswad bin 'Abd al-Muṭallib dan Umayyah bin Khalaf (al-Qurṭubī 2002, 20: 449-452). Pembesar Yahudi seperti Ka'ab bin al-Akhbar, 'Abdullah bin Sallām, Tha'labah bin Sa'yah, Usaid bin Sa'yah dan Asad bin 'Ubayd (al-Qurṭubī 2002: 4/530-533, 5/213-222). Tidak terkecuali pembesar Kristian seperti al-'Āqib 'Abd al-Masīh, al-Sayyid al-Ayham dan Abū Hārithah bin 'Alqamah (al-Qurṭubī 2002, 2: 381-382; Ibn Kathīr 2000: 369-372).

Banyak ayat al-Quran yang sebab penurunannya (*sabab al-nuzūl*) adalah dialog, diskusi dan debat Rasulullah SAW bersama golongan musyrikin dan ahli kitab. Surah *al-Kāfirūn* 109 mengisahkan diskusi Rasulullah SAW bersama para pembesar kaum musyrikin Mekah iaitu al-Walīd bin al-Mughīrah, al-'Āṣ bin Wāil, al-Aswad bin 'Abd al-Muṭallib dan Umayyah bin Khalaf (al-Qurṭubī 2002, 20: 449-452). Ayat *Alī 'Imrān* 3: 113 dan *al-Nisā'* 4: 47 mengisahkan diskusi Rasulullah SAW dengan tokoh-tokoh Yahudi yang kemudiannya memeluk Islam iaitu Ka'ab bin al-Akhbar, 'Abdullah bin Sallām, Tha'labah bin Sa'yah, Usaid bin Sa'yah, Asad bin 'Ubayd dan yang lain (al-Qurṭubī 2002: 4/530-533, 5/213-222). Awal daripada surah *Alī 'Imrān* sehingga ke ayat 80 adalah kerana dialog Rasulullah SAW dengan 60 orang daripada Naṣārā Najrān yang diketuai al-'Āqib atau namanya 'Abd al-Masīh, al-

Sayyid atau namanya al-Ayham dan Abū Hārithah bin ‘Alqamah. Wacana al-Quran dan sunah terhadap agama-agama sebagaimana sebahagian contoh yang dibawakan di atas menjadi asas kepada Ilmu Perbandingan Agama. Para ilmuwan Islam kemudian melangsungkan wacana al-Quran dan Sunah ini dengan pelbagai dialog, diskusi dan debat yang dapat ditinjau melalui disiplin yang dinamakan sebagai Ilmu Kalam.

Wacana Kepercayaan Agama-Agama Di Dalam Ilmu Kalam


Wujud persepsi yang beranggapan Ilmu Kajian Agama-agama atau Ilmu Perbandingan Agama tidak mempunyai kaitan dengan Ilmu Kalam. Persepsi ini dibuktikan dengan sikap minat mempelajari Ilmu Perbandingan Agama tanpa sebarang minat mempelajari Ilmu Kalam. Sikap dan persepsi ini tidak berasas bahkan dianggap tidak mengikut disiplin kerana Mutakalimin (i.i. ahli Ilmu Kalam) mewacanakan kepercayaan antara penganut agama (*intrareligion* atau intra-Islam) dan kepercayaan antara penganut agama-agama (*interreligions*) sebagai skop atau fokus di dalam disiplin Ilmu Akidah, Ilmu Usuluddin, Ilmu Tauhid atau penamaan khususnya iaitu Ilmu Kalam (Nizār Ḥammādī t.th.). Tanpa Ilmu Kalam, apakah asas-asas penilaian atau pengukuran di dalam perbandingan yang dibuat antara agama-agama?

Ilmu Kalam menuntut keupayaan daya taakul dalam memberikan hujah-hujah yang meyakinkan serta dalil-dalil yang mampu menangkis sebarang keraguan yang ditimbulkan. Ilmu Kalam adalah disiplin yang sifatnya defensif dan ofensif. Ilmu Kalam adalah mekanisme dalam pemeliharaan kesucian agama Islam daripada sebarang penyelewengan, kesesatan dan kekufuran. Tuntasnya, Ilmu Kalam adalah disiplin dalam diskusi antara agama atau kepercayaan lain yang bertentangan dengan perbahasan, penghuraian, penolakan, pembatalan dakwaan dan penetapan terhadap keraguan, kecelaruan, kesesatan atau kekufuran (Al-Taftāzānī 1998, 1: 164-165; ‘Āmūh t.th.: 4-5). Ilmu Kalam berdasarkan daripada beberapa definisi bermaksud ilmu berkaitan pengukuhan perkara-perkara akidah dengan hujah-hujah yang diyakini dan penolakan terhadap segala keraguan (al-Jurjānī 1998, 1: 40; al-Taftāzānī 1998, 1: 163; Ibn Khaldūn 2004, 2: 205). Menurut Muḥammad Sa‘īd Ramaḍān al-Būṭi, Ilmu Kalam adalah diskusi-diskusi ilmiah berkaitan isu-isu atau asas-asas di dalam akidah Islam (Al-Būṭi 1399H: 17).

Dalam wacana Ilmu Kalam, Ilmu Kajian Agama-agama atau Ilmu Perbandingan Agama atau nama-nama lainnya seperti *al-Milal wa al-Niḥal*, *Maqālāt ghayr al-Islāmiyyīn*, *Ilm al-Jadl al-Dīnī*, *‘Ilm al-Rudūd ‘ala al-Adyān* dan sebagainya (Al-Sharqawī 2008: 5; Līndah 2015: 321) merupakan satu daripada dua subjek, skop atau fokus wacana Ilmu Kalam: [1] wacana pertama berkaitan kepercayaan antara penganut agama (*intrareligion* atau intra-Islam) yang dipelajari dalam disiplin Usuluddin dengan nama *al-Firaq al-Islāmiyyah*; dan [2] wacana kedua berkaitan kepercayaan antara agama-agama (*interreligions*) yang dipelajari dengan nama *Muqāranah al-Adyān*.

Ilmuwan, para sarjana Muslim atau ahli kalam (*al-mutakallimūn; theologians*) dalam wacana terhadap dua subjek, skop atau fokus Ilmu Kalam yang dinyatakan di atas menulis empat kategori karya iaitu: [1] *Maqālah al-Khaṣṣah* iaitu karya, penulisan atau artikel khas yang mewacanakan kepercayaan antara penganut agama (*intrareligion* atau intra-Islam) dengan judul karya seperti *al-Radd ‘alā al-Rāfiḍāh* atau yang mewacanakan kepercayaan antara agama-agama (*interreligions*) dengan judul karya seperti *al-Radd ‘alā al-Naṣārā*; [2] *Maqālāt al-Islāmiyyīn* iaitu artikel-artikel berkaitan kepercayaan penganut Islam seperti khazanah yang ditinggalkan oleh imam Ahli Sunah Waljamaah iaitu Abū al-Ḥassan al-Ash‘arī

(m.324H/935M) iaitu *Maqālāt al-Islāmiyyīn wa Ikhlāf al-Muṣalliyyīn*; [3] *Maqālāt ghayr al-Islāmiyyīn* iaitu artikel-artikel berkaitan kepercayaan penganut agama-agama bukan Islam seperti khazanah al-Ash‘arī yang telah hilang namun dinyatakan kewujudannya oleh Ibn Taymiyyah (2006, 1: 191); dan [4] *Jumal al-Maqālāt* iaitu himpunan artikel-artikel yang menghimpunkan kedua-dua subjek, skop dan fokus Ilmu Kalam seperti khazanah al-Ash‘arī yang telah hilang namun dinyatakan kewujudannya oleh Ibn ‘Asākir (2014: 107) serta karya-karya lain seperti khazanah ilmuwan al-Ashā‘irah yang terkenal iaitu *al-Milal wa al-Nihāl* (t.th.) milik Muḥammad bin ‘Abd al-Karīm al-Shahrastānī (m.548H/1153M). Subjek, skop atau fokus Ilmu Kalam dan jenis-jenis karya *al-mutakallimūn* adalah seperti Rajah I.



Rajah I Subjek, skop atau fokus Ilmu Kalam dan jenis-jenis karya *al-mutakallimūn*

Tuntasnya, kajian agama-agama atau Ilmu Perbandingan Agama bukan satu disiplin ilmu baharu. Sebaliknya ia adalah sebahagian daripada sub wacana di dalam Ilmu Kalam. Perlu ditegaskan, dialog, diskusi dan debat dalam isu-isu perbandingan agama tidak boleh dipandang mudah dan dianggap boleh dilaksanakan oleh sesiapa sahaja kerana ianya berisiko menjerumuskan seseorang kepada keraguan, kesesatan dan kekufuran..

Karya-Karya Ilmuwan Asyairah Dalam Wacana Terhadap Penganut Agama-Agama

Penulis di sini berusaha menyenaraikan jenis-jenis karya *al-mutakallimūn* dari kalangan ilmuwan al-Ashā‘irah termasuk al-Māturidiyyah di dalam wacana terhadap agama-agama sebagaimana yang digambarkan di dalam Rajah I. Karya-karya yang disenaraikan khusus terhadap wacana terhadap agama-agama kecuali beberapa karya di dalam Ilmu Kalam yang dilihat banyak membicarakan kepercayaan agama lain. Antara karya-karya yang dapat penulis kenalpasti adalah seperti berikut Jadual I.

Jadual I Karya-karya *al-mutakallimūn al-Ashā'irah* dan *al-Māturidiyyah* dalam wacana terhadap agama-agama

Bil.	Karya dan Pemilik	Kewafatan
1.	<i>Kitāb al-Tawhīd</i> karya Abū Manṣūr Muḥammad bin Muḥammad al-Māturīdī (Thomas 1983: 144-157; al-Sharafī 1986: 147).	m.333H/944M
2.	<i>Kitāb al-Tamhīd al-Awā'il wa Takhlīṣ al-Dalā'il</i> (1957; 2016) karya Abū Bakr Muḥammad bin al-Ṭayyib al-Bāqillānī (Thomas 1983: 177-196; al-Sharafī 1986: 153-154).	m.403H/1013M
3.	<i>Shifā' al-Ghalīl fīmā Waqa'a fi al-Tawrāt wa al-Injīl min al-Tabdīl</i> (2008) karya 'Abd al-Malik bin 'Abd Allāh bin Yūsuf al-Juwaynī.	m.478H/1085M
4.	<i>Al-Radd al-Jamīl li Ilāhiyyah 'Īsā bi Ṣarīḥ al-Injīl</i> (1973; 1990) karya Abū Ḥāmid Muḥammad bin Muḥammad al-Ghazālī.	m.505H/1111M
5.	<i>Al-Milal wa al-Niḥal</i> (t.th.; 2006) karya Muḥammad bin 'Abd al-Karīm al-Shahrastānī.	m.548H/1153M
6.	<i>Munāzarah fi al-Radd 'alā al-Naṣārā</i> (1986) karya Abū 'Abd Allāh Muḥammad bin 'Umar Fakhr al-Dīn al-Rāzī.	m.606H/1200M
7.	<i>Al-Radd 'alā al-Naṣārā</i> (1988) karya Abū al-Baqā' Ṣāliḥ bin al-Ḥussayn al-Ja'farī.	m.668H/1269M
8.	<i>Takhjīl Man Harrafa al-Tawrāt wa al-Injīl</i> (2005) karya Abū al-Baqā' Ṣāliḥ bin al-Ḥussayn al-Ja'farī.	
9.	<i>Bayān al-Wāḍiḥ al-Mashhūd fi Faḍā'ih al-Naṣārā wa al-Yahūd</i> (1432H) karya Abū al-Baqā' Ṣāliḥ bin al-Ḥussayn al-Ja'farī.	
10.	<i>Al-I'lām bimā fi Dīn al-Naṣārā min al-Fasād wa al-Awhām wa Izhār Maḥāsīn Dīn al-Islām wa Ithbāt Nubuwwah Nabīyyunā Muḥammad 'alayh al-Ṣalāh wa al-Salām</i> (1980) karya Muḥammad bin Aḥmad bin Abī Bakr al-Anṣārī al-Khazrajī al-Qurtubī.	m.671H/1273M
11.	<i>Al-Ajwibah al-Fākhīrah 'an al-As'ilah al-Fājīrah fi al-Radd 'alā al-Yahūd wa al-Naṣārā</i> (1992) karya Shihāb al-Dīn Aḥmad bin Idrīs al-Qirāfī.	m.684H/1285M
12.	<i>Adillah al-Wahdaniyyah fi al-Radd 'alā al-Naṣrāniyyah</i> (1408H) karya Shihāb al-Dīn Aḥmad bin Idrīs al-Qirāfī.	
13.	<i>Sharḥ al-Maqāṣid</i> (1998) karya Mas'ūd bin 'Umar bin 'Abd Allāh yang masyhur dengan Sa'd al-Dīn al-Taftāzānī.	m.793H/1390M
14.	<i>Sharḥ al-Mawāqif</i> (1998) karya Al-Sayyid al-Sharīf 'Alī bin Muḥammad al-Jurjānī.	m.816H/1413M
15.	<i>Izhar al-Haq</i> (2001) karya <i>Imād al-Ḥaramayn al-Sharīfayn, al-Faqīh al-Hanafī</i> , Muḥammad Raḥmatullāh bin Khalīl Allāh al-Kayrānawī al-Dihlawī al-Hindī al-Uthmānī (1818-1891M/1233-1308H).	m.1330H/1911M

Kitab *al-Radd al-Jamīl li Ilāhiyyah 'Īsā bi Ṣarīḥ al-Injīl* karya Abū Ḥāmid Muḥammad bin Muḥammad al-Ghazālī (m.505H/1111M) merupakan contoh jenis karya **Maqālah al-Khaṣṣah** daripada *al-mutakallimūn al-Ashā'irah* dalam wacana terhadap agama-agama. Tokoh bergelar Hujjatul Islam ini seorang *polymath* yang banyak menulis pelbagai topik seperti bidang-bidang akidah atau kalam, syariah atau perundangan, tasawuf atau akhlak, logik, falsafah, pemikiran Islam dan tidak ketinggalan dalam perdebatan Islam-Kristian (*al-jadl al-Islāmī al-Masīhī*) atau diskusi, dialog dan debat antara agama-agama (*al-ḥiwār bayn al-adyān*). Penisbahan karya terhadap al-Ghazālī menjadi perselisihan di kalangan ilmuwan. Antara pengkaji yang mengesahkan ialah Louis Massignon, Robert Chidiac (Hilmī 1973: 57, 63; Waryono 2012: 117-129) dan Ḥājī Khalifah (t.th., 1: 838). Tema-tema *al-Radd al-Jamīl* ialah ketuhanan *al-Masīh*, *al-ittihād* (asimilasi), *al-Ubuwwah* (*fatherhood*; kebapaan) dan *al-banuwwah* (*sonship*; keanakan). *Al-Radd al-Jamīl* sesuai dengan judulnya menumpukan

wacana terhadap kritikan doktrin ketuhanan Jesus atau Isa AS. Isyarat daripada tajuk *bi šariḥ al-Injīl* menjelaskan bahawa kritikan terhadap Kristian dalam isu ketuhanan Jesus adalah berdasarkan keterangan Injil. Enam nas atau teks Injil dihuraikan iaitu: [a] *Yohanes* 10: 30-36; [b] *Yohanes* 17: 11; [c] *Yohanes* 17: 17-22; [d] *Markus* 13: 32; [e] *Yohanes* 17: 1-3; dan [f] *Yohanes* 8: 37-40. Tiga nas yang pertama menafikan *ittiḥād* atau asimilasi Jesus dengan Tuhan dan tiga nas yang lain mensabitkan Jesus sebagai manusia. Kesemua nas ini adalah petikan kata-kata Jesus yang wujud di dalam Injil (al-Ghazālī 1973: 165-166).

Jenis karya *Maqālāt ghayr al-Islāmiyyīn* dalam wacana terhadap agama-agama yang dikenal pasti setakat ini hanya karya Abū al-Ḥassan al-Ash‘arī yang telah hilang. Ada pun jenis karya *Jumal al-Maqālāt* selain *Jumal al-Maqālāt* karya al-Ash‘arī yang telah hilang ialah *al-Milal wa al-Niḥāl* (t.th.) karya al-Shahrastānī (m.548H/1153M). Kitab ini mewacanakan kedua subjek, skop atau fokus wacana Ilmu Kalam di mana al-Shahrastānī membahagikan *Arbāb al-Diyānāt wa al-Milal* sebagai wacana kepercayaan antara penganut agama (*intrareligion* atau intra-Islam) dan *Ahl al-Ahwā’ wa al-Niḥāl* sebagai wacana kepercayaan antara agama-agama (*interreligions*). Tuntasnya, isi kandungan dan perbahasan *al-Milal wa al-Niḥāl* (t.th.) adalah seperti berikut: [1] *al-Firaq al-Islāmiyyah* (aliran pemikiran Islam); [2] *Ahl al-Kitāb* yang terdiri daripada Yahudi dan Kristian; [3] *sibh Ahl al-Kitāb* yang terdiri daripada Majusi dan al-Mānawiyyah; [4] kelompok tiada peraturan dan hukum hakam seperti al-Sā’ibah; [5] kelompok tiada kitab, peraturan dan hukum hakam seperti ahli falsafah, al-Duhriyyah, penyembah bintang serta berhala dan al-Barāhimah (Al-Shahrastānī t.th., 1: 33).

Kesimpulan

Kesedaran terhadap kedudukan dan keutamaan ilmu-ilmu di dalam tradisi Islam penting kepada setiap Muslim. Ilmuwan atau ulama telah mengkategorikan ilmu kepada ilmu-ilmu Ilahi (naqli) dan ilmu-ilmu tabii (Al-Farābī 1991; Ibn Khaldūn 2004, 2: 171), ilmu-ilmu alat (*al-‘ulūm al-‘āliyyah* atau *al-‘ulūm al-wasīlah*) dan ilmu-ilmu matlamat (*al-‘ulūm al-maqṣūdah* atau *al-‘ulūm al-istiqlāliyyah*) (Ibn Khaldūn 2004, 2: 351; al-Fuḍalī 1409H: 26) atau ilmu-ilmu fardu ain (i.i. wajib bagi orang perseorangan) dan ilmu-ilmu fardu kifayah (i.i. wajib bersama bagi orang Islam yang apabila dilaksanakan oleh seseorang antara mereka maka yang lain bebas daripada tanggungjawab itu) (Al-Nawawī t.th., 1: 49). Pengetahuan hierarki ilmu-ilmu melorongkan seseorang terhadap ilmu-ilmu yang perlu diutamakan.

Hukum mempelajari Ilmu Kalam secara *ijmāl* (ringkas) adalah wajib atau fardu ain ke atas tiap-tiap orang mukalaf lelaki atau perempuan. Manakala mempelajarinya secara *tafṣīl* (huraian atau satu persatu) adalah fardu kifayah (i.i. tuntutan bersama bagi orang Islam yang apabila dilaksanakan oleh seseorang antara mereka maka yang lain bebas daripada tanggungjawab tersebut). Bagi individu yang berkelayakan dan berkemampuan maka hukumnya adalah fardu ain apabila tiada individu lain yang berkeupayaan mensabitkan akidah dan menolak sebarang keraguan (‘Āmūh t.th.: 8; al-Bayjūrī 2014: 40). Ilmu Kajian Agama-agama atau Ilmu Perbandingan Agama sebagaimana yang dijelaskan merupakan subwacana terhadap Ilmu Kalam. Justeru, individu yang berkecimpung di dalam domain ini perlu menguasai sekurang-kurangnya tahap fardu ain pengetahuan Ilmu Kalam dan sebaiknya individu yang menguasai tahap fardu kifayah. Asas atau tahap pengetahuan yang dinyatakan ini penting bagi individu yang mahu berkecimpung dalam dialog, diskusi dan debat perbandingan agama. Kerana Ilmu Kalam disifatkan sebagai disiplin yang memberi keupayaan daya taakul dengan hujah-hujah yang meyakinkan terhadap isu-isu di dalam

permasalahan akidah. Ilmu Kalam adalah mekanisme dalam menjaga serta melihara kesucian agama Islam daripada sebarang kecelaruan, penyelewengan dan kesesatan.

Khazanah Ilmu Kalam yang diwariskan kepada kita oleh *al-mutakallimūn* al-Ashā'irah serta al-Māturidiyyah sangat banyak untuk menjadi panduan dalam wacana kepercayaan antara penganut agama dan wacana kepercayaan antara agama-agama. Firman Allah SWT di dalam surah *Al-Nahl* 16: 125: "*Serulah ke jalan Tuhanmu (wahai Muhammad) dengan hikmat kebijaksanaan dan nasihat pengajaran yang baik, dan berbahaslah dengan mereka (yang engkau serukan itu) dengan cara yang lebih baik.*"

Rujukan

Al-Quran.

Alkitab Berita Baik. 2001. Ed. Ke-2. Selangor: The Bible Society of Malaysia.

Alkitab [+Deuterokanonika] Berita Baik. 2001. Ed. Ke-2. Selangor: The Bible Society of Malaysia.

Al-Ash'arī, Abū al-Ḥassan 'Alī bin Ismā'īl. 1419H/1999M. *Maqālāt al-Islāmiyyīn wa Ikhilāf al-Muṣalliyīn.* Muḥammad Maḥy al-Dīn 'Abd al-Ḥamīd (pnyt.). Jil. 1-2. Bayrūt: Al-Maktabah al-'Aṣriyyah

Al-Bāqillānī, Abū Bakr Muḥammad bin al-Ṭayyib. 1957. *Kitāb al-Tamhīd.* Ritshard Yūsuf Makarthī al-Yasū'ī (pnyt.). Bayrūt: Al-Maktabah al-Sharqiyyah.

Al-Bāqillānī, Abū Bakr Muḥammad bin al-Ṭayyib. 2016M/1437H. *Kitāb al-Tamhīd al-Awā'il wa Takhlīṣ al-Dalā'il.* Al-Maktab al-'Ilmī li al-Taḥqīq (pnyt.). Bayrūt: Mu'assasah al-Kutub al-Thaqāfiyyah.

Al-Bayjūrī, Burhān al-Dīn Ibrāhīm bin Muḥammad. 1435H/2014M. *Ḥāshiyah al-Imām al-Bayjūrī 'alā Jawharah al-Tawḥīd al-Musammā Tuḥfah al-Murīd 'alā Jawharah al-Tawḥīd.* 'Alī Jumu'ah (pnyt.). Al-Qāhirah: Dār al-Salām

Al-Bukhārī, Muḥammad bin Ismā'īl. 1419H/1999M. *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī.* Al-Riyāḍ: Dār al-Salām li al-Nashr wa al-Tawzī'.

Al-Būṭī, Muḥammad Sa'īd Ramaḍān. 1399H. *Kubrā al-Yaqīniyyāt al-Kawniyyah: Wujūd al-Khālīq wa Wazīfah al-Makhlūq.* Dimashq: Dār al-Fikr.

'Āmūh, Muḥammad Aḥmad Muḥammad. t.th. *Al-Jawāb al-Tām 'an Ḥukm Ta'allum 'Ilm al-Kalām.* Al-Ḥudaydah: Al-Hay'ah al-'Ilmiyyah bi Ribāṭ AbI Bakr al-Ṣiddīq li al-'Ulūm al-Shar'iyyah.

Al-Farābī, Abu Naṣr. 1991M. *Ihṣā' al-'Ulūm.* Bayrūt: Markaz al-Inmā' al-Qawmī.

Fārūq Ḥammādah. 2004. *Al-'Ilāqāt al-Islāmiyyah al-Naṣrāniyyah fī al-'Ahd al-Nabawī.* Dimashq: Dār al-Qalam.

Al-Fuḍālī, Abu Naṣr. 1409H. *Muzakkirah al-Manṭiq.* Īrān: Mu'assasah Dār al-Kitāb al-Islāmī.

Al-Ghazālī, Muḥammad bin Muḥammad bin Muḥammad bin Aḥmad al-Ṭūsī al-Shāfi'ī. 1973M/1393H. *Al-Radd al-Jamīl li Ilāhiyyah 'Īsā bi Ṣarīḥ al-Injīl.* 'Abd al-'Azīz 'Abd al-Haq Hilmī (pnyt.). Al-Qāhirah: Majma' al-Buhūth al-Islāmiyyah.

Al-Ghazālī, Muḥammad bin Muḥammad bin Muḥammad bin Aḥmad al-Ṭūsī al-Shāfi'ī. 1990. *Al-Radd al-Jamīl li Ilāhiyyah 'Īsā bi Sarīḥ al-Injīl.* Turkiyyā: Hakikat Kitabevi.

Ḥājī Khalīfah, Muṣṭafā Abdullah. t.th. *Kash al-Zunūn 'an Asāmī al-Kutub wa al-Funūn.* Jil. 1-2. Bayrūt: Dār Ihyā' al-Turāth al-'Arabī.

- Hilmī, ‘Abd al-‘Azīz ‘Abd al-Haq. 1973M/1393H. Muqaddimah. Dlm. Al-Ghazālī, Muḥammad bin Muḥammad bin Muḥammad bin Aḥmad al-Ṭūsī al-Shāfi‘ī. *Al-Radd al-Jamīl li Ilāhiyyah ‘Isā bi Ṣarīh al-Injīl*, hlm. 1-111. Al-Qāhirah: Majma‘ al-Buhūth al-Islāmiyyah.
- Hussain Othman. 2009. *Wacana Asasi Agama dan Sains*. Batu Pahat: Penerbit Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM).
- Ibn ‘Asākir, Abū al-Qāsīm ‘Alī bin al-Ḥassan bin Hibbah Allāh al-Dimashqī. 1435H/2014M. *Tabyīn Kazb al-Muftarī fīmā Nusiba ilā al-Imām Abī al-Ḥassan al-Ash‘arī*. Muḥammad Zāhid al-Kawtharī (pnyt.). Al-Qāhirah: Al-Maktabah al-Azhariyyah li al-Turāth.
- Ibn Kathīr, Al-Ḥāfiz ‘Imād al-Dīn Abī al-Fidā’ Ismā‘il bin ‘Umar al-Qurashī al-Dimashqī. 1420H/2000M. *Tafsīr al-Qur‘ān al-‘Azīm*. Bayrūt: Dār Ibn Ḥazm.
- Ibn Khaldūn, Waliyy al-Dīn ‘Abd al-Raḥman bin Muḥammad. 1425H/2004M. *Muqaddimah Ibn Khaldūn*. ‘Abd Allah Muḥammad al-Darwīsh (pnyt.). Dimashq: Dār Ya‘rab.
- Ibn Taymiyyah, Aḥmad bin ‘Abd al-Ḥalīm bin ‘Abd al-Salām. 2006M. *Dar’ al-Ta‘āruḍ al-‘Aql wa al-Naql aw Muqāfaḥah Ṣaḥīḥ al-Manqūl li Ṣarīḥ al-Ma‘qūl*. Al-Sayyid Muḥammad al-Sayyid & Sayyid Ibrāhīm Ṣādiq (pnyt.). Jil. 1-6. Al-Qāhirah: Dar al-Ḥadīth.
- Al-Ja‘farī, Abū al-Baqā’ Ṣāliḥ bin al-Ḥussayn. 1988M/1409H. *Al-Radd ‘alā al-Nasārā*. Muḥammad Muḥammad Ḥasanain (pnyt.). Bayrūt: Dār al-Jil.
- Al-Ja‘farī, Abū al-Baqā’ Ṣāliḥ bin al-Ḥussayn. 2005. *Takhjīl Man Ḥarrafa al-Tawrāt wa al-Injīl*. Khālid Muḥammad ‘Abduh (pnyt.). Miṣr: Maktabah al-Nāfidhah.
- Al-Ja‘farī, Abū al-Baqā’ Ṣāliḥ bin al-Ḥussayn. 1432H. *Bayān al-Wāḍiḥ al-Mashhūd fī Faḍā’ih al-Naṣārā wa al-Yahūd*. Āmal bint Mabruk bin Nāhis al-Lahībī (pnyt.). Al-Su‘ūdiyyah: Jāmi‘ah Umm al-Qurā.
- Al-Jurjānī, al-Sayyid al-Sharīf ‘Alī bin Muḥammad. 1419H/1998M. *Sharḥ al-Mawāqif wa ma‘ahu Ḥāshiyatā al-Sayālakūti wa al-Jalabī ‘alā Sharal-Mawāqif*. Jil. 1. Bayrūt: al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Al-Juwaynī, ‘Abd al-Malik bin ‘Abd Allāh bin Yūsuf. 2008. *Shifā’ al-Ghalīl fīmā Waqa‘a fī al-Tawrāt wa al-Injīl min al-Tabdīl*. Aḥmad Ḥijāzī al-Siqā (pnyt.). Al-Qāhirah: Al-Maktabah al-Azhariyyah li al-Turāth & Al-Jazīrah li al-Nashr wa al-Tawzī‘.
- Al-Kayrānawī, Muḥammad Raḥmatullāh. 2001M/1422H. *Izhār al-Ḥaq*. Muḥammad Aḥmad Muḥammad ‘Abd al-Qādir Khalīl Malkāwī (pnyt.). Jil. 1-4. Al-Qāhirah: Dār al-Ḥadīth.
- Līndah Bū‘āfiyyah. 1435H/2014M. Al-Jadl al-Dīnī bi al-Andalus wa Dawrah fī Ta’sīs ‘Ilm Muqāranah al-Adyān. Dlm. Jamāl ‘Ilāl al-Bakhtī (pnyt.). *Al-Ibānah*, hlm. 225-258. Bil. 2-3 (Sha‘bān 1436H-Yūniyū 2015). Al-Ribāṭ: Markaz Abī al-Ḥassan al-Ash‘arī
- Al-Nawawī, Abū Zakariyyā Maḥy al-Dīn bin Sharaf. t.th. *Kitāb al-Majmū’ Sharḥ al-Muhadhdhab li al-Shīrāzī*. Muḥammad Najīb al-Muī‘ī (pnyt.). Jil. 1. Jiddah: Maktabah al-Irshād.
- Nizār Ḥammādī. t.th. *Marātib ‘Ilm al-Tawḥīd*. Tūnis: Markaz al-Imām Ibn ‘Arafah li al-‘Ulūm al-Insāniyyah.
- Al-Qirāfi, Shihāb al-Dīn Aḥmad bin Idrīs. 1408H. *Adillah al-Waḥdaniyyah fī al-Radd ‘alā al-Naṣrāniyyah*. ‘Abd al-Raḥman bin Muḥammad Sa‘īd Dimashqiyyah (pnyt.). Al-Riyāḍ: t.pt.
- Al-Qirāfi, Shihāb al-Dīn Aḥmad bin Idrīs. 1992. *Al-Ajwibah al-Fākhīrah ‘an al-As‘ilah al-Fājīrah fī al-Radd ‘alā al-Yahūd wa al-Naṣārā*. Majdī Muḥammad al-Shahāwī (pnyt.). Al-Qāhirah: Maktabah al-Qur‘ān.

- Al-Quḍāh, Nūh ‘Alī Sulaymān. 1420H/1999. *Al-Muktaṣar al-Mufīd fī Sharḥ Jawharah al-Tawḥīd*. ‘Ammān: Dār al-Rāzī.
- Al-Qurṭubī, Muḥammad bin Aḥmad bin Abī Bakr bin Farḥ al-Anṣārī al-Khazrajī al-Mālikī al-Andalusī. 1980. *Al-‘Ilām bimā fī Dīn al-Naṣārā min al-Fasād wa al-Awhām wa Izhār Maḥāsīn Dīn al-Islām wa Ithbāt Nubuwwah Nabīyyunā Muḥammad ‘alayhi al-Ṣalāh wa al-Salām*. Aḥmad Ḥijāzī al-Siqā (pnyt). Jil. 1-4. Al-Qāhirah: Dār al-Turāth al-‘Arabi.
- Al-Qurṭubī, Muḥammad bin Aḥmad bin Abī Bakr bin Farḥ al-Anṣārī al-Khazrajī al-Mālikī al-Andalusī. 2002M/1423H. *Al-Jāmi‘ li Aḥkām al-Qur’ān*. Al-Qāhirah: Dār al-Ḥadīs.
- Al-Rāzī, Abū ‘Abd Allāh Muḥammad bin ‘Umar Fakhr al-Dīn. 1986. *Munāzarah fī al-Radd ‘alā al-Naṣārā*. ‘Abd al-Majīd al-Najjār (pnyt). Bayrūt: Dār al-Gharb al-Islāmī.
- Al-Shahrastānī, Muḥammad bin ‘Abd al-Karīm. t.th. *Al-Milal wa al-Niḥal*. Jil. 1-3. Bayrūt: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Al-Sharqāwī, Ḥamīd ‘Abd Allāh. 2008. *Muqāranah al-Adyān bayn al-Tanzīr wa al-Taṭbīq ‘Ind al-Qādī ‘Abd al-Jabbār al-Mu’tazilī: Dirāsah Tahlīliyyah Muqāranah*. Bayrūt: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Al-Taftāzānī, Sa’d al-Dīn Ma’ūd bin ‘Umar bin ‘Abd Allāh. 1998M/1419H. *Sharḥ al-Maqāṣid*. ‘Abd al-Raḥman ‘Umayrah (pnyt.). Jil 1-5. Bayrūt. Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Waryono Abdul Ghafur. 2012. *Kristologi Islam: Telaah Kritis Kitab Rad a-Jamil Karya Al-Ghazali*. Yogyakarta: Pustaka Pelajar.